



## SIARAN MEDIA

### **LAWATAN YANG BERHORMAT TUAN NG SZE HAN, PENGERUSI JAWATANKUASA TETAP KERAJAAN TEMPATAN, PENGANGKUTAN AWAM DAN PEMBANGUNAN KAMPUNG BAHARU KE PUSAT TAHDAN HAIWAN MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG (MPS)**

Yang Berhormat Tuan Ng Sze Han, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru Negeri Selangor telah membuat tinjauan ke Pusat Tahanan Haiwan MPS di Taman Industri Integrasi Rawang pada 26 Mac 2019.

Tujuan lawatan adalah untuk menilai cadangan MPS memohon bantuan kewangan untuk menaiktaraf pusat tersebut dengan anggaran sebanyak RM192,750.00 meliputi kos membaikpulih kemudahan dan fasiliti serta pembelian peralatan yang diperlukan.

Pusat Tahanan Haiwan yang mempunyai keluasan anggaran 0.5 ekar ini telah dibina pada tahun 2008 sebagai pusat tahanan kawalan anjing dan kucing liar dan kawalan binatang ternakan berkeliaran seperti lembu dan kambing.

Dalam lawatan berkenaan, YB Tuan Ng Sze Han berhasrat agar Pusat Tahanan Haiwan MPS ini dapat diubahsuai menjadi sebuah pejabat yang mempunyai ruang menunggu untuk dijadikan Pusat Setempat bagi Program Adopsi Haiwan Terbiar.

MPS juga turut mempunyai *Program GIDOP (gift & adopt)* bagi orang ramai yang ingin menghantar haiwan-haiwan peliharaan dan terbiar. Program ini juga membolehkan orang ramai untuk membela haiwan-haiwan seperti kucing dan anjing tanpa dikenakan sebarang bayaran. Melalui program ini, diharapkan agar masyarakat tidak melepaskan atau membuang haiwan-haiwan peliharaan di kawasan awam sebaliknya disarankan agar menyerahkan kepada Unit Kawalan Haiwan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan MPS.

Turut serta dalam lawatan rasmi berkenaan adalah Yang Berhormat Tuan Chua Wei Kiat, ADN Rawang, Ahli-Ahli Majlis MPS iaitu daripada Zon 12, 15, 16, 17, 18, 22, Pengarah Jabatan Korporat dan Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh :

**EN. MOHAMAD ZIN BIN MASOAD A.M.S.**

Pengarah  
Jabatan Korporat  
b/p Yang Dipertua  
Majlis Perbandaran Selayang

03-6126 5800/019-280 7788

Tarikh dikeluarkan : 27 Mac 2019